

27 JUL 2000
Mahathir-Tebusan
DR MAHATHIR JUMPA BEKAS TEBUSAN

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengadakan perjumpaan dengan semua enam bekas tebusan kumpulan bersenjata di Jolo, Filipina.

Perjumpaan itu berlangsung selama 30 minit di bilik khas Hotel Magellan Sutera, di sini, sebelum Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis makan malam bersama rakyat.

Keenam-enam bekas tebusan berkenaan ialah renjer Jabatan Hidupan Liar Francis Masangkim, 34, seorang lagi kakitangan jabatan itu Baln Krishnan Nair, 34, juruselam (divemaster) Vincent Kwong, 40, dan pembantu tukang masak Lee Hock Leong, 20, renjer Jabatan Hidupan Liar, Zulkarnain Hashim dan anggota polis Abdul Jawah Salawat.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Osu Sukam dan isteri Datin Seri Panglima Noredah Majimpi serta para anggota keluarga enam bekas tebusan dan keluarga tiga rakyat Malaysia yang masih ditahan oleh kumpulan penculik di Jolo.

Zulkarnain dibebaskan pada 23 Jun lepas, diikuti dengan Abdul Jawah pada 14 Julai manakala Masangkim, Nair, Kwong, dan Lee dibebaskan pada 20 Julai.

Selain tebusan Malaysia, kumpulan penculik itu juga telah membebaskan seorang tebusan wanita rakyat Jerman, Renate Wallert.

Tiga rakyat Malaysia yang masih dalam tahanan ialah juruselam Fong Yin Ken, 28, renjer Jabatan Hidupan Liar, Basilius Jim, 28, dan tukang masak Kua Yu Loong, 21.

Kumpulan penculik itu masih menahan masing-masing dua rakyat Jerman, Afrika Selatan, Perancis, Finland, Filipina dan seorang rakyat Lubnan.

Kesemua mereka adalah daripada sekumpulan 21 orang yang diculik kumpulan bersenjata di Pulau Sipadan pada 23 April lepas.

Dalam perbualan dengan bekas tebusan itu, Perdana Menteri bertanya khabar dan keadaan mereka semasa dalam tahanan.

Ketika ditanya pemberita kemudian, Perdana Menteri meminta keluarga tiga rakyat Malaysia yang masih ditahan supaya bersabar.

"Kita lihat mereka yang sudah dibebaskan bercerita yang mereka tidak disiksa walaupun makanan tidaklah begitu baik."

"Saya harap yang masih ditahan dilayan cara yang sama dengan mereka yang sudah dilepas. Saya harap keluarga mereka tidak terlalu khuatir kerana nampaknya kumpulan ini tidaklah ganas seperti yang kita lihat di Sauk, Perak yang menyeksa dan membunuh.

"Kita harap yang lain akan dibebaskan segera," kata Dr Mahathir.

Dalam kejadian di Sauk pada 2 Julai, 15 lelaki mencuri sekurang-kurangnya 100 senjata api dari dua kem tentera di Gerik. Mereka kemudian menahan empat tebusan di kawasan hutan Bukit Jenalek, Sauk. Sebelum mereka menyerah diri, dua daripada tebusan telah dibunuh dengan kejam.

Semasa ditanya sama ada beliau ada menerima maklumat terkini, Perdana Menteri berkata masih ada usaha yang dibuat oleh pihak di sana untuk membebaskan mereka.

-- BERNAMA
JS AHH PR